

Skuad Pengguna bantu terap ilmu kepenggunaan

SEJAK diperkenalkan pada 2001, Sukarelawan Pemantau Harga (SPH) yang turut dikenali sebagai Rakan Pengguna aktif memainkan peranan dan fungsi menjadi 'mata dan telinga' kerajaan dalam memantau harga barangan (penandaan harga) dan mutu perkhidmatan.

Bagaimanapun, entah di mana silapnya, Kementerian melihat penstrukturan Rakan Pengguna ini juga kurang mantap dan pelaksanaan aktiviti serta pendedahan mengennainya juga tidak menyeluruh. Pendek kata, kewujudan Rakan Pengguna seolah-olah tidak disadari masyarakat umum.

Justeru, melihat kepada permasalahan ini, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) mengorak langkah dengan melakukan penjenamaan semula kumpulan ini dengan memberi nama baru iaitu Skuad Pengguna oleh Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, baru-baru ini.

Di bawah penjenamaan baru ini, Rakan Pengguna diberi suntikan serta nafas baru dari segi penstrukturan, imej dan sensitiviti sebagai satu langkah yang dapat menjadi pemangkin untuk menyemarakkan lagi penerapan ilmu kepenggunaan dalam kalangan masyarakat Malaysia.

Susulan penjenamaan baru itu, Timbalan Ketua Setiausaha (Kepenggunaan dan Pengurusan), Datin Mahani Tan Abdullah menaruh harapan tinggi terhadap Skuad Pengguna supaya dapat membantu kerajaan meningkatkan lagi penguatkuasaan undang-undang melalui kerjasama dan sokongan orang ramai.

Memandangkan aktiviti penawaran dan permintaan dalam pasaran yang semakin meningkat tanpa kawalan, situasi ini telah membataskan keupayaan penguat kuasa KPDNKK untuk 'turun padang' dan melaksanakan tugas mereka.

"Di sinilah peranan ahli skuad untuk memberikan kerjasama, sekali gus dapat memantau mana-mana amalan aktiviti perniagaan yang tidak sihat. Ini secara tidak langsung dapat mendisiplinkan pihak peniaga juga.

"Selain bertindak sebagai pemberi maklumat mengenai trend harga barangan dan perkhidmatan kepada Kementerian, ahli skuad juga berperanan besar untuk menyebarkan maklumat mengenai isu kepenggunaan kepada umum. Lebih penting lagi, setiap ahli skuad juga berupaya untuk menjadi jurucakap bagi isu berkaitan selain dapat menganjurkan program dan aktiviti kepenggunaan dalam komuniti masing-masing," katanya.

Skuad Pengguna mempunyai anggota aktif seramai kira-kira 37,000 orang, kini menyasarkan untuk mencapai jumlah keanggotaan melebihi 50,000 orang menjelang akhir tahun ini.

Mahani berkata, melihat kepada pendekatan konsep 'serampang tiga mata' yang diambil oleh Skuad Pengguna selari dengan jalinan kerjasama yang dibuat bersama masyarakat peniaga, jumlah keanggotaan diharapkan dapat mencatat bilangan lebih tinggi daripada sasaran.

"Skuad Pengguna pada kali ini juga meluaskan fokus dan memabitkan anggota pertubuhan bukan kerajaan (NGO), anggota CUEPACS dan badan peniaga seperti PERDA-



TIMBALAN Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Rohani Abdul Karim bersama Mahani (kanan) ketika merasmikan program Produk Malaysia Citarasa Kita di Tabuan Jaya, baru-baru ini.

NASAMA dan jaringan pasar raya besar seperti Giant dan Jusco.

"Strategi ini adalah sangat bersesuaian dan menepati Dasar Penggunaan Negara yang mahukan penggunaan Malaysia untuk mempunyai amalan kawalan sendiri, peniaga pula dengan amalan kawal selia sendiri dan kerajaan selaku fasilitatornya, iaitu berperanan meningkatkan tahap perlindungan terhadap pengguna," kata Mahani.

Contohnya, CUEPACS, badan ini yang dilaporkan terdiri daripada 1.5 juta anggota, sememangnya diha-

rapkan menambah seberapa ramai anggota Skuad Pengguna sedia ada.

"Tambah pula, ahli Skuad Pengguna bukan saja berkhidmat dengan 'tangan kosong', sebaliknya banyak manfaat dan keistimewaan yang boleh diperolehi dengan keanggotaan mereka sebagai anggota skuad," katanya yang mengakui kewujudan Skuad Pengguna hari ini sangat relevan.

Sebagai anggota berdaftar, Skuad Pengguna boleh menikmati pelbagai keistimewaan antaranya mendapat kemudahan potongan harga

dan diskaun ditawarkan oleh premis perniagaan iaitu 36 Rakan Dagang yang mengambil bahagian dengan menggunakan Kad Skuad Pengguna.

"Melalui kad Skuad Pengguna yang akan diperolehi anggota sebaik saja mendaftar, mereka boleh mendapat potongan harga antara dua peratus hingga 20 peratus daripada jumlah nilai barangan yang dibeli atau perkhidmatan yang digunakan," katanya.

Rakan dagang yang mengambil bahagian adalah panel dilantik oleh Bank Rakyat dan terdiri daripada kedai koperasi di seluruh Malaysia, termasuk Sabah dan Sarawak.

"Selain pemberian diskaun, anggota Skuad Pengguna juga menerima pengiktirafan kepada anggota terbaiknya yang banyak membantu serta memberi sumbangan kepada KPDNKK. Ia akan disampaikan sama ada pada peringkat kebangsaan dan negeri," katanya.

Keistimewaan lain yang layak diterima oleh anggota skuad adalah peluang menyertai seminar dan bengkel anjuran KPDNKK, mengikuti kursus untuk jurulatih bag tujuan latihan selain aktiviti kepenggunaan yang dikelolakan oleh pihak swasta dengan kerjasama Kementerian.

Tanpa sadar selain memainkan peranan sebagai 'mata dan telinga' kerajaan, tanggungjawab anggota Skuad Pengguna adalah sebenarnya jauh lebih besar dan penting.

Mahani berkata, anggota skuad seharusnya menjadi pemangkin gaya hidup yang lestari iaitu ke arah corak penggunaan sumber alam secara optimum, kreatif dan berhemah. - BERNAMA

B14 6/6/12 MS 17

BERNAMA